



Sebahagian peserta program mendengar taklimat di Balai Raya Kg Tagai

42 pelajar UMS berpeluang selami kehidupan masyarakat pedalaman

DE 04-12-2012 7

Clarence George Dol

KENINGAU: Seramai 42 pelajar Universiti Malaysia Sabah (UMS) diberi peluang bagi pendedahan kepada kehidupan masyarakat pedalaman di sebuah kampung di daerah ini semasa Program 'Campus To The Village', di sini, baru-baru ini.

Program komuniti itu yang disertai oleh pelajar tahun pertama dari pelbagai bidang dijalankan selama tiga hari dan dua malam di Kg Tagai, Keningau.

Dalam program tersebut, para pelajar dibahagikan kepada beberapa keluarga angkat yang terdiri daripada masyarakat tani di kampung itu.

Selain dari aktiviti bergaul sambil menyelami cara kehidupan kampung di kawasan itu, peserta juga membuat kebajikan dengan kerja-kerja pembersihan melalui aktiviti gotong royong secara beramai-ramai pada hari kedua program.

Jurucakap Kg Tagai yang mewakili

Pengerusi Pembangunan dan Keselamatan Kampung, Harry Daniel Gitik memberitahu media program itu adalah saluran baik dua hala antara penduduk kampung dan para peserta. "Kami amat berterima kasih atas kehadiran kumpulan tersebut dan gembira kampung ini dipilih sebagai destinasi program UMS pada masa ini. Terdapat banyak perkara yang kita boleh berkongsi di sini dan berharap semua pihak terlibat mendapatkan kenangan manis di Kg Tagai.

"Melalui program ini, kita mengharapkan masyarakat kampung akan belajar sesuatu yang baru daripada belia kita," katanya ketika ditemui pada sambutan kumpulan UMS.

Harry berharap, selaras dengan Program Keinstitusian dan Interaksi Masyarakat (UMS), semua objektif program akan tercapai dan mengalu-alukan UMS akan melawat sekali lagi ke kampung itu pada masa depan.